

05/08/2003

Hadi, Nik Aziz diminta utamakan kepentingan negara

PORT DICKSON: Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad meminta dua rakan sejawatnya dari Kelantan dan Terengganu mendahului kepentingan negara dengan menghadiri semua mesyuarat penting anjuran Kerajaan Pusat yang membincangkan persoalan dan masa depan rakyat.

Beliau berkata, dengan menghadiri mesyuarat, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Datuk Seri Abdul Hadi Awang dapat mendengar penjelasan kerajaan berhubung sesuatu program pembangunan dan seterusnya menyatakan pendirian mereka.

Katanya, jika ada mesyuarat penting kerajaan yang dipengerusikan Perdana Menteri atau timbalannya, kedua-dua pemimpin itu biasa mengambil mudah dengan menghantar wakil Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

Mohd Isa, Menteri Besar paling lama berkhidmat berkata, dalam mesyuarat Majlis Sumber Air Negara (MSAN) yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di ibu negara Rabu lalu, mereka sekali lagi menghantar ahli Exco, sedangkan ia mesyuarat penting untuk rakyat.

"Dalam mesyuarat itu, Exco menyatakan pendirian untuk menerima cadangan penyerahan hak pengurusan serta perbekalan sumber air kepada Kerajaan Pusat.

"Tetapi, bila balik ke Kota Bharu dan Kuala Terengganu, lain pula cerita yang timbul, Kelantan dan Terengganu tidak sokong cadangan berkenaan.

"Tindakan ini tidak hanya memalukan wakil mereka, malah menyusahkan rakyat di negeri berkenaan," katanya ketika ditemui pada majlis penyampaian anugerah dan biasiswa ExxonMobil di Port Dickson Golf & Country Resort, semalam.

Mohd Isa menjelaskan semua negeri memang tidak mampu menguruskan bekalan air kerana membabitkan kos yang sangat tinggi dan masih menanggung banyak hutang dengan Kerajaan Pusat.

Pada mesyuarat MSAN, semua Menteri Besar, Ketua Menteri dan dua wakil dari Kelantan dan Terengganu bersetuju dengan cadangan berkenaan, tetapi Ahad lalu, Abdul Hadi dan Exco Kelantan, Ahmad Yakub membuat penafian.

Kelmarin, Dr Mahathir mengingatkan mereka kerajaan akan menghentikan pinjaman atau bantuan kepada kedua-dua negeri berkenaan jika menentang cadangan itu.